



MGPerak: Industri GBS Pemacu Ekonomi Digital Perak – Saarani

Oleh **Firdaus Nazmi Hussin** - January 8, 2026

Industri perkhidmatan perniagaan global (GBS) merupakan antara pemacu utama ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi di negeri Perak ketika ini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, ia berpotensi menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta berpendapatan kompetitif kepada rakyat tempatan.

Katanya, perkembangan industri GBS bukan sahaja selari dengan keperluan ekonomi digital masa kini, malah berpotensi menjadi pemangkin utama kepada transformasi struktur ekonomi negeri. – MGPerak

#malaysiagazetteperak #mgperak #perkhidmatanperniagaanlobal